

**Umno Bahagian Merbok Peruntuk RM100,000 Bantu Fakir Miskin Sempena Ramadan
Bernama
6 Ogos, 2012**

SUNGAI PETANI, 6 Ogos (Bernama) -- Umno bahagian Merbok memperuntukkan RM100,000 bagi membantu meringan beban golongan fakir miskin termasuk orang kelainan upaya (OKU) dan ibu tunggal sempena Ramadan dan untuk persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Ketua bahagian merangkap Penyelaras Parlimen Merbok Datuk Tajul Urus Mat Zain berkata bantuan berbentuk wang tunai dan barang makanan itu telah mula diagihkan kepada golongan tersebut.

"Sumbangan ini adalah tanda prihatin Umno dan Barisan Nasional (BN) yang tidak pernah melupakan nasib golongan tersebut.

"Kita beri pada yang berhak tanpa memilih fahaman politik," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan bantuan kepada keluarga fakir miskin di Taman Ria Jaya di sini, Isnin.

Tajul Urus turut mengambil kesempatan itu untuk beramah bermesra dengan penduduk dan meninjau persiapan mereka membuat bubur lambuk.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685848>